

EP-FENO TABLET 145 mg

Fenofibrate 145mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan EP-Feno
2. Bagaimana EP-Feno berfungsi
3. Sebelum mengambil EP-Feno
4. Cara menggunakan EP-Feno
5. Semasa menggunakan EP-Feno
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan EP-Feno
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan EP-Feno

EP-Feno digunakan, bersama diet rendah lemak dan lain-lain rawatan bukan perubatan seperti senaman dan kehilangan berat badan, untuk menurunkan tahap lemak dalam darah.

EP-Feno boleh digunakan sebagai tambahan terhadap ubat-ubatan lain (statin) dalam beberapa keadaan apabila paras lemak dalam darah tidak dapat dikawal dengan statin sahaja.

Bagaimana EP-Feno berfungsi

EP-Feno tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan, biasanya dikenali sebagai fibrates. Ubat-ubatan ini digunakan untuk menurunkan tahap lemak (lipid) dalam darah. Sebagai contoh lemak yang dikenali sebagai trigliserida.

Sebelum mengambil EP-Feno

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil EP-Feno jika:

- anda alah kepada fenofibrate atau mana-mana bahan-bahan lain ubat ini
- semasa mengambil ubat fibrates lain dan ubat anti-radang ketoprofen, anda telah mengalami reaksi alahan atau masalah kulit yang

disebabkan oleh dari cahaya matahari atau cahaya UV

- anda mempunyai masalah hati, buah pinggang atau pundi hempedu yang teruk
- anda mempunyai pankreatitis (keradangan pankreas yang dirasai sebagai sakit perut) yang bukan disebabkan oleh kandungan lemak tinggi dalam darah.

Jangan mengambil EP-Feno jika mana-mana di atas terjadi kepada anda. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil EP-Feno.

Sebelum mula mengambil

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi atau jururawat anda sebelum mengambil EP-Feno jika:

- anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- anda mungkin mempunyai radang hati (hepatitis) – tanda-tandanya termasuk kekuningan kulit dan putih mata (jaundis), peningkatan dalam enzim hati (ditunjukkan dalam ujian darah), sakit perut dan gatal-gatal
- anda mempunyai kelenjar tiroid yang kurang aktif (hipotiroidisme)

Jika mana-mana di atas terjadi pada anda atau anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil EP-Feno.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda baru mengambil atau mungkin mengambil ubat-ubatan lain. Khususnya beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut:

- *anti-coagulants* untuk mencairkan darah anda (seperti warfarin)
- ubat-ubatan lain untuk mengawal paras lemak dalam darah (seperti statin atau fibrates). Mengambil statin pada masa yang sama dengan EP-Feno boleh meningkatkan risiko masalah otot
- kelas ubat kencing manis tertentu (seperti *rosiglitazone* atau *pioglitazone*)
- *ciclosporin* (sejenis *immunosuppressant*)

Jika anda mengalami mana-mana di atas (atau anda tidak pasti), berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil EP-Feno.

Cara menggunakan EP-Feno

Berapa banyak harus diambil

Pesakit dewasa dan warga emas:
Dos yang disyorkan adalah satu tablet sehari.

Pesakit dengan kerosakan buah pinggang:

Pengurangan dos adalah disyorkan. Satu dos fenofibrate yang lebih rendah harus digunakan.

Pesakit dengan masalah hati:

EP-Feno tidak dicadangkan kerana data tidak mencukupi.

Bagi bayi dan pesakit muda:

EP-Feno tidak dicadangkan bagi kanak-kanak dan remaja yang kurang dari 18 tahun kerana data tidak mencukupi.

Bila perlu diambil

Sentiasa mengambil ubat ini mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.

- Telan tablet dengan segelas air.

EP-FENO TABLET 145 mg

Fenofibrate 145mg

- Jangan menghancurkan atau mengunyah tablet.
- Ambil tablet bersama atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti mengambil EP-Feno kecuali dengan arahan doktor, atau tablet membuat anda merasa kurang sihat. Ini adalah kerana tahap lemak yang tidak normal dalam darah perlu dirawat untuk tempoh masa yang panjang. Anda perlu ingat bahawa selain mengambil EP-Feno adalah penting bahawa anda:

- mempunyai diet yang rendah lemak
- melakukan senaman selalu. Jika doktor anda menghentikan ubat anda, jangan menyimpan sebarang baki tablet kecuali doktor anda memberitahu anda.

Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, bertanyalah dengan doktor atau ahli farmasi atau jururawat anda.

Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa satu dos, ambil sebaik sahaja anda ingat jika belum mendekati waktu pengambilan dos seterusnya.
- Kemudian ambil tablet seterusnya pada masa yang biasa.
- Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan untuk dos yang terlupa. Jika anda bimbang mengenai ini berbincang dengan doktor anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil EP-Feno berlebihan atau jika orang lain telah mengambil ubat anda,

beritahu doktor anda atau hubungi hospital terdekat

Semasa menggunakan EP-Feno

Perkara yang perlu dilakukan

Berhenti mengambil EP-Feno dan berjumpa doktor dengan segera jika anda mengalami kekejangan, sakit atau lemah otot yang tidak diketahui puncanya semasa mengambil ubat ini.

- Ini adalah kerana ubat ini boleh menyebabkan masalah otot yang serius.
- Masalah ini jarang berlaku tetapi termasuk keradangan dan kerosakan otot boleh terjadi. Ini boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang malah kematian.

Doktor anda mungkin melakukan ujian darah untuk memeriksa otot anda sebelum dan selepas memulakan rawatan.

Risiko kerosakan otot adalah lebih tinggi di sesetengah pesakit. Beritahu doktor anda jika:

- anda berusia lebih 70 tahun
- anda mempunyai masalah buah pinggang
- anda mempunyai masalah tiroid
- anda atau ahli keluarga yang rapat mempunyai masalah otot dalam sejarah keluarga
- anda minum alkohol yang banyak
- anda mengambil ubat-ubatan yang dipanggil statin untuk menurunkan kolesterol seperti simvastatin , atorvastatin, pravastatin , rosuvastatin atau fluvastatin .
- anda pernah mempunyai masalah otot semasa rawatan dengan statin atau fibrates

seperti fenofibrate, bezafibrate atau gemfibrozil.

Jika mana-mana di atas berlaku pada anda (atau anda tidak pasti), berbincang dengan doktor anda sebelum EP-Feno.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Kehamilan, penyusuan dan kesuburan

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, fikir anda mungkin mengandung atau merancang untuk mempunyai bayi.

Disebabkan kurang pengalaman mengenai penggunaan EP-Feno semasa mengandung, anda hanya boleh menggunakan EP-Feno jika doktor anda berpendapat ia sangat perlu.

Adalah tidak diketahui sama ada bahan aktif EP-Feno boleh dirembes dalam susu ibu. Oleh itu, anda tidak boleh mengambil EP-Feno jika anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi anda.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini.

Memandu dan menggunakan mesin

Ubat ini tidak akan menjejaskan anda semasa memandu atau menggunakan alat atau mesin.

Perkara yang perlu diberi perhatian

EP-Feno mengandungi laktosa (sejenis gula). Jika anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anda tidak bertoleransi terhadap beberapa jenis gula, bincanglah dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, ubat ini boleh menyebabkan kesan

EP-FENO TABLET 145 mg

Fenofibrate 145mg

sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berhenti mengambil EP-Feno dan berjumpa doktor dengan segera, jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan berikut yang serius - anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera :

- reaksi alahan - tanda-tanda yang mungkin termasuk bengkak muka, bibir, lidah atau tekak, yang boleh menyebabkan kesukaran bernafas
- sakit, kejang atau lemah otot - ini mungkin tandatanda keradangan atau kerosakan otot, yang boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang atau kematian
- Sakit perut - ini boleh menjadi tanda bahawa anda mengalami radang pankreas (pankreatitis)
- sakit dada dan sesak nafas - ini mungkin tanda-tanda darah beku dalam paru-paru (embolisme pulmonari)
- Sakit, kemerahan atau bengkak di kaki - ini mungkin tanda-tanda darah beku di kaki (trombosis salur darah yang mendalam)
- kekuningan kulit dan putih mata (jaundis), atau peningkatan enzim hati - ini mungkin tanda-tanda hati radang (hepatitis).

Berhenti mengambil EP-Feno dan berjumpa doktor segera, jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan di atas.

Kesan sampingan yang lain termasuk:

Biasa (memberi kesan kurang daripada 1 dari 10 orang):

- cirit-birit
- Sakit perut
- angin (kembung perut)

- rasa sakit (loya)
- sakit (muntah)
- peningkatan tahap enzim hati dalam darah - ditunjukkan dalam ujian.

Kurang biasa (memberi kesan kurang daripada 1 dari 100 orang):

- sakit kepala
- batu hempedu
- ruam kulit, kegatalan kulit
- disfungsi seksual
- peningkatan dalam kreatinin (yang dihasilkan oleh buah pinggang) - ditunjukkan dalam ujian
- pankreatitis (radang pankreas yang membawa kepada sakit perut)
- *thromboembolism*: embolisme pulmonari (darah beku dalam paru-paru menyebabkan sakit dada dan sesak nafas), trombosis dalam vena (darah beku di kaki yang menyebabkan kesakitan, kemerahan atau bengkak)
- sakit otot, keradangan otot, kekejangan otot dan kelemahan.

Jarang berlaku (memberi kesan kurang daripada 1 dari 1000 orang):

- Kehilangan rambut
- rasa pening (vertigo)
- perasaan habis (keletihan)
- peningkatan dalam urea (yang dihasilkan oleh buah pinggang) - ditunjukkan dalam ujian
- meningkatkan tahap sensitiviti kulit anda terhadap cahaya matahari dan sinaran matahari.
- penurunan hemoglobin (yang membawa oksigen dalam darah) dan sel-sel darah putih - yang ditunjukkan dalam ujian
- hepatitis (radang hati), tandatanda yang mungkin

seperti penyakit kuning sederhana (kekuningan kulit dan putih mata), sakit perut dan gatal-gatal

- hipersensitiviti (reaksi alahan).

Kesan sampingan di mana peluang ia berlaku tidak diketahui

- ruam kulit dengan kemerahan yang teruk, mengelupas dan bengkak kulit yang menyerupai kebakaran yang teruk
- masalah paru-paru jangka panjang
- kerosakan otot
- komplikasi pundi hempedu.
- Jika anda mengalami ketidakselesaan semasa bernafas, beritahu doktor anda dengan segera

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan EP-Feno

Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak. Simpan ubat ini dalam pek asal untuk mengelakkan dari kelembapan.

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada Cahaya dan kelembapan.

Jangan menggunakan ubat selepas tarikh luput (*expiry date*) seperti tertera pada kotak dan blister. Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bulan tersebut.

Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui sisa buangan ataupun tong sampah. Tanyalah pada ahli farmasi bagaimana untuk

EP-FENO TABLET 145 mg

Fenofibrate 145mg

membuang ubat yang tidak diperlukan. Ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet bujur dwicembung putih hingga putih pudar, 15.5 x 8.5 mm, timbul "F" pada satu sisi dan "145" pada sebelah lagi.

3x10's

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif adalah Fenofibrate 145mg

Kandungan lain termasuk *Hypromellose, Sodium laurilsulfate, Simethicone emulsion 30%, Lactose anhydrous, Croscarmellose sodium, Magnesium stearate.*

Nombor MAL:

MALxxxxxxxxAZ

Pengilang Pemegang Pendaftaran Produk

Pengilang

ETHYPHARM
Chemin De La Poudriere, Le
Grand Quevilly, 76120, France

Pemegang Pendaftaran

Produk

GIRAFFES ENTERPRISE
SDN. BHD.
C18-3A, 3 TWO SQUARE,
JALAN 19/1, 46300,
PETALING JAYA,
SELANGOR

Tarikh kemaskini

5-Feb-2026

Serial Number

NPRA (R2) 25/039